



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

---

---

Jil. 66  
Bil. 3

**13hb Februari 2013**

*TAMBAHAN*  
*No. 5*

---

---

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

**No. 231.**

[Subseksyen 64(1)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN SEBAHAGIAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(1)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION LAND

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 4887 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* pada 29 September 1939, Residen Perak, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah 1926, telah mengisytiharkan bahagian tanah yang terletak di Bandar Ipoh, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan No. 15,551 yang disimpan di Pejabat Ketua Jurukur, Perak sebagai rizab bagi maksud suatu tapak pusat tenusu yang akan diselenggarakan oleh Pengerusi, Lembaga Sanitari, Kinta;

Dan bahawasanya, kini didapati suai manfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban tersebut terdahulu dibatalkan sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual;

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu, mengenai cadangan untuk membatalkan sebahagian perizaban tersebut sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa jua yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pentadbir Tanah dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Ipoh pada 14 Februari 2013, jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengahari.

## JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Bandar Ipoh. No. Pelan—PA119203. No. Lot—397205. Luas—8972 meter persegi.

Bertarikh 8 Februari 2013

[PTG.Pk. 247/7-6642(D)IKS; PTK(I)No.3/3/2001;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 58]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*

*Perak Darul Ridzuan*

Whereas, by Notification No. 4887 published in the Federated Malay States Government *Gazette* on 29 September 1939, the Resident of Perak, in exercise of the powers conferred by section 24(i) of the Land Code 1926, proclaimed that the parcel of land situated in Township of Ipoh, District of Kinta described in the schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 15,551 deposited in the Office of Chief Surrenger Perak to be reserved for the purpose of a dairy to be maintained by the Chairman, Sanitary Board, Kinta;

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be revoked as described in the Schedule;

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority hereby gives notice under subsection 64(2) of the Code of the proposal to revoke the reservation described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Land Administrator, Perak in an inquiry to be held at the Meeting Room, District and Land Office of Kinta, Ipoh on 14 February 2013 at 8.00 am to 1.00 pm.

SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Town of Ipoh. Plan No.—PA119203. Lot No.—397205.  
Area—8972 meter square.

Dated 8 February 2013  
[PTG.Pk. 247/7-6642(D)IKS; PTK(I)No.3/3/2001;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 58]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

Hakcipta Pencetak<sup>(H)</sup>

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA